

Datuk Lee terharu atas keyakinan Dr. Mahathir

SEREMBAN, Jumaat.— Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan yang baru dilantik Datuk Lee Boon Peng melahirkan rasa terharunya atas kepercayaan yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Lee berikrar akan berkhidmat dengan penuh dedikasi sebagai mana yang diharapkan oleh Perdana Menteri.

"Saya terpaksa melepaskan pejabat guaman saya di sini kepada orang lain demi memegang jawatan yang lebih penting," ujarinya.

Datuk Lee mula berkecimpung dalam politik bersama bekas Pengerusi MCA Negeri, Datuk Wong Seng Chow.

Beliau aktif di dalam arena politik MCA dan menjadi Ahli Parlimen Mantin mulai tahun 1974.

Ketika 'ribut' berlaku mengenai laporan audit negara, Datuk Lee telah dilantik sebagai pengerusinya.

Tugas cemerlang beliau itu telah mendapat sambutan dari berbagai pihak.